

Potongan 2% dikira pendapatan bercukai

UM 29 MAR 201

KUALA LUMPUR 28 Mac Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hari ini mengesahkan potongan caruman dua peratus Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan diambil kira sebagai pendapatan bercukai.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Zainol Abidin Abd. Rashid bagaimanapun memberi jaminan, kenaikan cukai pada golongan yang terbabit itu tidaklah sampai membebankan.

Tambah beliau, potongan cukai itu tidak membabitkan golongan berpendapat rendah kerana mereka terkeluar daripada dicukai.

“Apa yang pasti, kadar cukai tersebut tidak akan menimbulkan kesan atau jurang yang terlalu besar.

“Kalau yang terlibat pun mungkin yang membabitkan pendapatan tinggi (pada kadar RM2,200 sebulan dan ke atas) kadar cukainya mungkin akan meningkat daripada biasa memandangkan mereka mendapat pendapatan yang lebih sedikit,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad selepas merasmikan majlis pengenalan dan latihan mengisi borang cukai pendapatan C bagi syarikat tahun taksiran 2001 di sini hari ini.